

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08 FEBRUARY 2017

# Dasar Angkasa Negara 2030 pacu ekonomi

BH- 8/2/2017

➔ Kejayaan Nur Adlyka bongkar kewujudan 'lohong hitam gergasi' perlu jadi perangsang

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Majlis Sains Negara (NSC) yang bermesyuarat semalam bersetuju mewujudkan Dasar Angkasa Negara 2030 bagi memacu sektor angkasa negara sebagai ekonomi baharu yang strategik.

Mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini, turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius dan timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mo-

hamad Diah.

Perdana Menteri berharap generasi muda akan menceburi bidang astronomi dan astrofizik dengan menjadikan pencapaian saintis muda Malaysia dalam bidang penyelidikan saintifik astrofizik, Nur Adlyka Ainul Annuar yang berjaya membongkar kewujudan 'lohong hitam gergasi' sebagai perangsang dan inspirasi.

**Kejayaan suntik semangat**

"Saya juga berharap kejayaannya menyuntik semangat dan motivasi penyelidik fizik dan astronomi tempatan dalam membangunkan bidang astronomi dan astrofizik,



Najib ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di Putrajaya, semalam. [FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

setanding negara maju," katanya dalam perutusan pada mesyuarat itu.

Najib berkata, bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) amat penting dalam menyediakan peluang kerjaya masa depan dan sebagai persediaan negara menghadapi Revolusi Industri Keempat.

"Jelas sekali pembangunan dan kemajuan Malaysia pada masa depan berkait rapat dengan penguasaan kita dalam sains dan teknologi," katanya.

Sementara itu, Madius berkata, pengubalan Dasar Angkasa Negara 2030 membolehkan peranca-

ngan dan pembangunan sektor angkasa negara dilaksanakan dengan lebih teratur serta cekap.

**Industri baharu berpaksi STI**

Katanya, dasar itu juga adalah asas bagi pengubalan Akta Angkasa Lepas untuk mengawal selia aktiviti dan operasi berkaitan sektor angkasa seperti pelancaran dan pengoperasian satelit, pendaftaran objek yang dilancarkan ke angkasa lepas serta pengoperasian stesen bumi.

"Malaysia juga memerlukan akta itu bagi meratifikasikan beberapa perjanjian angkasa lepas antara-

bangsa yang ditandatangani," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mesyuarat itu juga bersetuju melaksanakan mekanisme rangkaian kolaboratif bagi mewujudkan industri baharu yang berpaksikan sains, teknologi dan inovasi (STI) seperti Industri 4.0, Fintech dalam Kewangan Islam, Sistem Penyampaian Kesihatan Secara Maya dan Rangkaian Industri Halal.

NSC juga bersetuju menerima pakai 'The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research' (MCRCR) sebagai kod etika dan sumber rujukan bagi semua penyelidikan di Malaysia.